

## **Ucapan oleh Duta Miyagawa di Majlis Festival Mini Malaysia dan Jepun**

15 Mac 2014

Saya telah sampai di Kuala Lumpur pada 6 Mac dengan keluarga saya. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa saya pernah ditugaskan ke sini 20 tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, semua pemandangan yang biasa saya lihat sebelum ini telah tiada. Ianya sedikit menyedihkan tetapi kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia layak menerima tepukan gemuruh kerana telah berjaya memodenkan negara ini dan memajukan ekonominya.

Saya ingin menyalakan kembali persahabatan lama kerana kini saya telah kembali ke Malaysia. Saya juga ingin bertukar pandangan mengenai perubahan dan kemajuan di negara kita, dan untuk mengetahui apa yang masih kekal dan masih dihargai oleh masyarakat.

Pembangunan ekonomi dalam masa 20 tahun telah menukar wajah bandar ini kepada lebih moden tetapi pesona masyarakat Malaysia kekal tidak berubah – kemesraan, kejujuran dan kebaikan serta keramahan mereka terhadap Jepun. Rakyat Malaysia amat menghargai keluarga dan hubungan dalam masyarakat, menghormati tradisi, serta sopan, mengambil berat dan baik hati. Saya gembira kerana tanggapan saya terhadap masyarakat Malaysia sejak 20 tahun yang lalu masih sama, walaupun Malaysia telah melalui pelbagai transformasi dan pembangunan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk berkongsi dengan anda ayat berikut yang mana telah saya tulis di dalam jurnal saya 20 tahun yang lalu; *kelazatan makanan tempatan mungkin tidak dapat memuaskan pakar makanan, tetapi, saya kagum dengan lambakan pelbagai jenis buah, hospitaliti dan adab di meja makan, yang menunjukkan bahawa mereka menghargai makanan dan mensyukurinya.*

Dalam Bushido, ada ajaran yang menyatakan “tolong yang lemah dan lawan yang kuat”. Kami orang Jepun, terutamanya mereka yang lahir selepas Perang Dunia Kedua, cenderung untuk melupakan semangat ini. Kami harus lebih berhati-hati untuk tidak mendekati yang kuat dan membuli yang lemah. Seratus tahun dahulu, Inazo Nitobe, seorang rakyat Jepun yang pernah menjadi Setiausaha Bahagian Liga Negara Negara, menulis sebuah buku yang bertajuk *Bushido: Jiwa Negara Jepun* dalam bahasa Inggeris. Melalui buku ini, pemahaman terhadap Jepun telah meningkat secara global.

Di dalam buku ini, Nitobe menulis, “seperti benih bunga yang diterbangkan angin dan bercambah di tempat lain, *Bushido* mungkin lenyap dari Jepun tetapi akan tumbuh dengan baik di tempat lain.”

Hari ini, *shinai* (pedang buluh) dan *kendogi* (uniform Kendo) akan dihadiahkan kepada Persatuan Kendo Malaysia oleh All Japan Kendo Federation. Saya harap, kita tidak akan membiarkan semangat Bushido hilang dari Jepun, dan dengan penyerahan barang ini, saya sejurnya mengharapkan bahawa ia akan mempromosikan kendo, dan bunga Bushido akan mekar di Malaysia.